

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(III)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PANTAI JEREJAK
YB. DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL**

4. Dasar Kerajaan Negeri yang memberi komposisi 90% PDC, 10% Kerajaan Negeri dan 10% penduduk dalam Projek Pengecatan Semula Blok dan Pembaikan Kritikal merupakan dasar mesra rakyat kepada flat-flat binaan PDC.
- (a) Adakah dasar komposisi ini akan diteruskan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Di bawah Akta Pengurusan Strata 757, penyenggaraan dan pembaikan ke atas harta bersama merupakan kewajipan Perbadanan Pengurusan. Walau bagaimanapun, sebagai Kerajaan Negeri yang amat prihatin dan mengutamakan kepentingan rakyat, satu tabung penyelenggaraan telah diwujudkan bagi membantu skim-skim strata yang layak. Bagi permohonan projek pengecatan semula dan pembaikan kritikal di flat-flat perumahan yang dibangunkan oleh PDC, perkongsian kos adalah dengan nisbah 80:20, iaitu 80% daripada kos projek akan ditanggung oleh PDC, manakala 20% daripada kos projek akan ditanggung oleh penduduk melalui Perbadanan Pengurusan (MC) masing-masing.

Pada ketika ini, komposisi perkongsian kos penyelenggaraan dengan nisbah 80:20 akan diteruskan demi kesejahteraan dan kepentingan para penduduk setempat.